



Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH
Universiti Milik Penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK Inc.)

IKLAN JAWATAN KOSONG

- 1) PENSYARAH KANAN GRED DS51
- 2) PROFESOR MADYA GRED DS53

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) merupakan sebuah Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) milik penuh Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan akademik secara lantikan kontrak **di Kulliyah Kewangan Islam, Sains Pengurusan dan Hospitaliti** seperti yang berikut:

Klasifikasi Perkhidmatan	Pendidikan
Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional
Gred Jawatan	1) Pensyarah Kanan DS51 2) Profesor Madya DS53
Bidang	Kewangan dan Perbankan Islam
Taraf Lantikan	Kontrak Perkhidmatan/ <i>Contract of Services</i> (COS) Kontrak untuk Perkhidmatan / <i>Contract for Services</i> (CFS)
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun (Lantikan Bertaraf COS) Satu (1) Tahun (Lantikan Bertaraf CFS)

SYARAT-SYARAT UMUM

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia; dan
- ii. Berumur tidak melebihi 60 tahun untuk lantikan bertaraf COS manakala untuk lantikan CFS tidak melebihi umur 65 tahun pada tarikh lantikan ; dan
- iii. Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
- iv. **Adaptasi Teknologi** – Berkebolehan dan berkeinginan untuk meneroka kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang perbankan islam, pengurusan dan pentadbiran serta membawa UniSHAMS ke arah kejayaan di zaman digital.
- v. **Komunikasi** – Memiliki kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE PENSYARAH KANAN GRED DS51

- i. Memenuhi kelayakan **syarat-syarat umum** di atas; dan
- ii. Calon hendaklah memiliki Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya; dan
- iii. Memenuhi **SALAH SATU** syarat memohon berikut:-
 - (a) Sekurang-kurangnya **dua (2) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** yang terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama); atau
 - (b) **Satu (1) Refereed Journal** terdaftar dalam pangkalan data WOS/SCOPUS/ERA (sebagai penulis utama) DAN satu (1) buah Buku Ilmiah.
- iv. Calon hendaklah mempunyai **pengalaman mengajar** sekurang-kurangnya **lima (5)** tahun di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam bidang Kewangan Islam.
- v. **Keutamaan** kepada calon yang memiliki **pengalaman industri** sekurang-kurangnya lapan (8) tahun.
- vi. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
- vii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat Istimewa mutunya; dan
- viii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkaitan.

KELAYAKAN LANTIKAN KE PROFESOR MADYA GRED DS53

- i. Memenuhi kelayakan **syarat-syarat umum** seperti di atas; dan
- ii. Calon hendaklah memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Kewangan dan Perbankan Islam daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara, atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya (selain PhD) dalam bidangnya;
- iii. Memenuhi **SEMUA** syarat memohon seperti berikut:
 - (a) Sekurang-kurangnya **lima (5) Jurnal Berwasit (Refereed Journal)** dengan secara minimum dua (2) terdaftar dalam pangkalan data WOS / SCOPUS / ERA (sebagai penulis utama).
 - (b) **Satu (1) buah Buku Ilmiah** iaitu penerbitan yang diiktiraf MyRA, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sebagai penulis utama;
 - (c) Sekurang-kurangnya **menyelia dua (2) calon Sarjana** yang telah bergraduat, sebagai penyelia utama atau bersama.
- iv. Calon hendaklah mempunyai **pengalaman mengajar** sekurang-kurangnya **sepuluh (10)** tahun di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam bidang Kewangan Islam.
- v. **Keutamaan** kepada calon yang memiliki **pengalaman industri** sekurang-kurangnya **sepuluh (10)** tahun.
- vi. Mempunyai reputasi yang baik dalam penyelidikan dan penerbitan.
- vii. Membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat Istimewa mutunya; dan
- viii. Mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang berkaitan.

KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) di laman sesawang <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Puan Ira Faddila Binti Mohd Yusoff

Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,

Pejabat Pendaftar

E-mel: unitperjawatan@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057

TARIKH TUTUP PERMOHONAN

15 Jun 2025 (Ahad)